| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# KCWA seeks to unite, be voice of Kapit Chinese womenfolk

**KAPIT:** Kapit Chinese Women Association (KCWA) seeks to be the voice of the Chinese womenfolk here by bringing them together under one platform.

In stating this, KCWA chairman Pemanca Wong Kie Ing called on all Chinese women in Kapit, regardless of age or social background, to sign up as members to strengthen the association.

"The time has come for us women in Kapit to come together under KCWA so that our voices can be heard.

"Apart from looking after the welfare of our members, KCWA is also active when it comes to organising social and recreational activities to foster closer ties," she said.

Wong said this during the association's Mooncake Festival celebration, here Tuesday evening.

The gathering also saw KCWA present monetary incentives to 14 children of members for achieving excellent results in their school and public exams last year.

"The incentives are meant to encourage the students to continue working hard so that they can be successful in the future and make their parents proud," Wong added.

Also taking place during Tuesday's gathering was the distribution of ang pows to KCWA members aged 65 and above, as gesture of appreciation for their contributions to the association and community at large.

The monetary incentives for the students and ang pow for the senior citizen members were sponsored by KCWA adviser Chieng Pek Ho.

Among the invited guests were Bukit Mabong district office Calvin Linggong, Kapit District Council walikota Lating Minggang, Temenggong Datuk Wilfred Billy Panyau, Penghulu Sia Shui Poh, Penghulu Jenny Yu, and Penghulu Sng Chee Hun.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN CLAIMS TRIAL TO SEXUALLY ASSAULTING 10-YEAR-OLD SISTER-IN-LAW | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 14 SEP 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Man claims trial to sexually assaulting 10-year-old sister-in-law

**MIRI:** A 45-year-old man pleaded not guilty in the Sessions Court here yesterday to a charge of sexually assaulting his 10-year-old sister-in-law.

Based on the charge sheet, the man from Sibuti is accused of assaulting the girl for sexual purpose by touching her breasts.

He allegedly committed the offence on Aug 20, 2023 at around 8pm inside a storeroom of a longhouse.

The accused was charged under Section 14(a) of Sexual Offences Against Children Act 2017 and punishable under Section 14 of the same Act, read together with Section 16(1) of the same Act.

Conviction under Section 14 of the Sexual Offences Against Children Act 2017 carries a jail term of up to 20 years and also liable to whipping, while Section 16 of the Act provides for an additional jail term not exceeding five years and whipping of not less than two strokes.

Judge Zaini Fishir @ Fisal fixed Oct 19 for the management of the case and allowed the accused to be released on RM5,000 bail with two local sureties pending the date.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PERAK SENIOR CITIZEN LOSES RM1.4 MILLION TO PHONE SCAM | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 14 SEP 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Perak senior citizen loses RM1.4 million to phone scam

**IPOH**: A 62-year-old woman was cheated out of RM1.4 million when she fell prey to a syndicate posing as courier company staff and police officers, three years ago.

Perak police chief Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri said the victim only lodged a police report on Tuesday.

"On March 27, 2020, the complainant received a phone call from an unknown individual claiming to be a courier company staff, saying there was a parcel for her but there was a problem with it.

"She then made a verification through a fake 'Sabah contingent police headquarters' phone number which was provided by the caller, and was informed by a 'police officer' that she was implicated in a money laundering and drug case," he said in a statement yesterday.

He said she was shown a court arrest warrant in her name and during the three years she was in communication with five individuals impersonating various 'police officers'.

Mohd Yusri said the victim revealed all confidential information about her bank accounts and digital wallets to the suspects and followed their instructions to transfer funds to a number of bank accounts under other individuals' names.

"She only realised she had been cheated after waiting all this time, since 2020, for one of the suspects to meet her in Ipoh," he said.

He said the case is being investigated under Section 420 of the Penal Code and advised the public to be wary of suspicious phone calls, especially those claiming to be from a government agency. — Bernama

TAJUK : WOMAN DIES FROM SMOKE INHALATION IN JB BLAZE, THREE CHILDREN SURVIVE

HARI : KHAMIS | AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 14 SEP 2023 | M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF | SEKTOR : KPWKM

# Woman dies from smoke inhalation in JB blaze, three children survive

**JOHOR BAHRU:** A 53-year-old woman died of smoke inhalation after a pre-dawn fire broke out at a row of shophouses along Jalan Senyum in Kampung Wadi Hana here yesterday.

However, her three children – two sons aged 21 and 18 as well as a seven-year-old daughter – were rescued and sent to hospital for treatment.

Larkin fire station operations commander Mohamad Faiz Suleiman said they received an emergency call on the incident at 4.53am.

He said a total of 49 personnel from the Larkin, Tebrau, Johor Jaya and Kempas fire stations in eight fire engines were immediately despatched to the scene.

"The fire destroyed three semi-permanent two-storey buildings that were shophouses with rental rooms located adjacent to each other.

"The fire destroyed 70 per cent of the first building, while the second building was estimated to be at 90 per cent and the third building at 65 per cent," he said in a statement.

Mohamad Faiz said firemen were able to rescue the family from one of the rooms but the mother eventually succumbed at Hospital Sultanah Aminah where they were being treated.

The firefighting operation ended at 9.25am.

The cause of the fire is being investigated and losses have yet to be ascertained, he said. — Malay Mail

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 60 STUDENTS FROM B40 FAMILIES TO GET LAPTOPS | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 14 SEP 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 60 students from B40 families to get laptops

A TOTAL of 60 students from B40 families will be receiving laptops from the Malaysia Indian Transformation Unit (Mitra), *Makkal Osai* reported.

Bangi MP Syahredzan Johan said the effort to identify and help the students is being undertaken by his constituency office and Mitra. Indian students from B40 families who have newly enrolled in public and private universities can apply for the laptops.

So far, 20 applications have been received and students who meet the requirements should apply for the remaining 40 laptops. The students and families can contact Kajang councillor R. Thiagaraja and the Indian village heads from Kajang, Sungai Ramal and Balakong, he said.

> The Penang Hindu Endowment Board (PHEB) will host a town hall session with the Hindu community in Penang, *Makkal Osai* reported.

PHEB deputy chairman Senator Dr. RA Lingeshwaran said there would be two sessions of the town hall, both on Sunday, at the City Hall in Jalan Padang Kota at 10am and at the Lebuh Benggali digital library in Butterworth at 5pm.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CIVIL SERVANT LOSES RM600,000 TO PHONE SCAM SYNDICATE | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 14 SEP 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Civil servant loses RM600,000 to phone scam syndicate

By **ANDY CHUA**
andychua@thestar.com.my

**SIBU:** A woman here was fleeced of nearly RM600,000 in a phone scam.

The 40-year-old civil servant lodged a report on Sept 12 claiming she had been cheated by a phone scam syndicate, says Sarawak Commissioner of Police Datuk Mohd Azman Sapri.

"In early August, the woman received a call from a man who claimed to be from a courier company in Perak. The suspect told her she had sent a parcel which contained several identity cards," he said in a statement.

When the woman denied it, the line was connected to a so-called Perak police station chief who scolded her for not cooperating with them.

"After that she received a message in her WhatsApp from another suspect who informed her that she was involved in money laundering," he added.

Azman said as the victim panicked, she followed all instructions from the suspect.

She was also advised not to reveal anything to anyone.

She transferred RM20,000 to two accounts supposedly for "Bank Negara auditing".

Soon after that she was asked to deposit more money.

"She took out her savings and also secured bank loans, all totalling RM580,000. The money was transferred to five different bank accounts," he said.

The woman realised she had been conned when the suspects could no longer be contacted.

The case is being investigated under Section 420 of the Penal Code for cheating.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RETIREE DUPED OF RM1.4 MIL | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 14 SEP 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Retiree duped of RM1.4mil

## Woman only realised she was scammed three years later

By IVAN LOH
ivanloh@thestar.com.my

**IPOH:** A 62-year-old retiree has been waiting to meet an "assistant superintendent of police" whom she gave RM1.4mil to in 2020, not realising it was a phone scam.

The woman from Taman Wah Keong here only realised she had been cheated after failing to meet face-to-face with the so-called police officer after three years.

The woman, who used to work in Singapore, received a call from a stranger who claimed to be from a courier service company on March 27, 2020.

Perak police chief Comm Datuk Seri Mohd Yusof Hassan Basri said the woman was informed about an issue with a parcel for her.

"The scammer gave the woman a contact number, purportedly to be of the Sabah police so she could verify the matter herself.

"The victim called the number given and was accused by 'police officers' of being involved in money laundering and drugs," he said in a statement yesterday.

"The scammer also claimed that an arrest warrant has been issued for her," he said, adding the victim had communicated with five suspects.

"She revealed all her personal banking and e-wallet details to the scammers. She also followed instructions to transfer money from her bank account to several others.

"This went on until April 21, 2020," he added.

"The victim had believed that a 'police assistant superintendent' she was in contact with was real and had been waiting to meet with him in Ipoh since 2020.

"Having lost her patience, the woman lodged a report on Tuesday," he said.

"The woman lost about RM1.4mil, including cryptocurrency," he said.

The case is being investigated under Section 420 of the Penal Code.

TAJUK : BUDGET HOSTEL FOR YOUTHS, JOBSEEKERS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 14 SEP 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Budget hostel for youths, jobseekers

**KUALA LUMPUR:** The Youth and Sports Ministry yesterday launched the Youth Capsule (Y-Capsule) @IYCResidence, a hostel for youth and jobseekers in the city.

Youth and Sports Minister Hannah Yeoh said the facility will start operating tomorrow and is offered to those aged between 18 and 40 at only RM10 per day.

"This programme targets youths who intend to undergo industrial training, are looking for jobs and individuals who are already employed but do not have a place to stay.

"I hope this will encourage more youths to get jobs particularly those coming from rural areas," she said after the launching ceremony.

The facility at the International Youth Centre in Cheras offers five dormitories with 54 beds and is equipped with cooking facilities, self-service laundry and internet access. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN LOSES RM1.4 MILLION TO PHONE SCAM SYNDICATE | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 14 SEP 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Woman loses RM1.4 million to phone scam syndicate

**IPOH:** A 62-year-old woman in Perak was cheated of RM1.4 million three years ago by phone scam syndicate members who posed as courier company staff and police officers.

Perak police chief Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri said the woman from Taman Wah Keong lodged a report yesterday.

"On March 27, 2020, the complainant received a phone call from an unknown individual claiming to be a courier company (employee), saying there was a parcel for her but there was a problem with it.

"She then 'verified' it through a fake Sabah contingent police headquarters phone number, that was provided by the caller, and was informed by a 'police officer' that she was implicated in a money laundering and drug case.

"She only realised she had been cheated after she revealed confidential information about her bank accounts and digital wallets and followed instructions to transfer funds to a number of bank account numbers (provided by the fraudsters)."

Mohd Yusri advised the public to be wary of suspicious phone calls, especially those claiming to be from government agencies. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI DITUDUH AMANG SEKSUAL ADIK IPAR BERUSIA 10 TAHUN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 14 SEP 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki dituduh amang seksual adik ipar berusia 10 tahun

**MIRI:** Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen atas tuduhan melakukan amang seksual ke atas seorang kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun yang juga merupakan adik iparnya.

Tertuduh, 45, dari Sibuti, telah didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTK) 2017 dan dihukum di bawah Seksyen 14 akta yang sama serta dibaca bersama Seksyen 16 (1) akta yang sama.

Seksyen 14 (a) memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan sebat manakala Seksyen 16 (1) memperuntukkan hukuman tambahan tidak melebihi lima tahun dan sebat tidak kurang dua kali jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh telah didakwa melakukan serangan seksual secara fizikal untuk tujuan seks terhadap adik iparnya yang berusia 10 tahun.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 8 malam, 20 Ogos lalu dalam stor bilik sebuah rumah panjang di kawasan Sibuti.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Ihsan Jalaluddin memohon ditetapkan satu tarikh baharu untuk pengurusan kes memandangkan tertuduh telah mengaku tidak bersalah.

Hakim Zaini Fishir@Fisal membenarkan permohonan itu dan menetapkan 19 Oktober depan untuk pengurusan kes.

Manakala tertuduh diperintahkan supaya dibebas dengan jaminan lanjut RM5,000 berserta dua penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI, WANITA DISABIT MENCURI DIPENJARA TUJUH HARI | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 14 SEP 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki, wanita disabit mencuri dipenjara tujuh hari

**SIBU:** Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara tujuh hari terhadap seorang lelaki dan seorang wanita atas pertuduhan mencuri dari sebuah pasar raya di Jalan Pahlawan, di sini.

Majistret Oon Kork Chern yang mendengar pengakuan bersalah tertuduh, memerintahkan kedua-duanya menjalani hukuman penjara itu bermula semalam.

Mohamad Azrul, 27, dan Floresyia Entyia, 22, didakwa bersama mencuri dari sebuah pasar raya di Jalan Pahlawan pada 10 September 2023, kira-kira jam 1.20 petang.

Mereka didakwa mencuri sebotol syampu, dua botol kicap soya, masing-masing satu tin kari ayam dan ayam masak kicap, sebotol Listerine, empat buku sabun mandi dan dua berus gigi, yang dianggarkan bernilai RM90.20.

Bagi kesalahan itu, kedua-dua mereka didakwa mengikut Seksyen 380 yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan. Seksyen ini memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan juga denda bagi kesalahan kali pertama.

Bagi kesalahan kedua dan seterusnya, boleh dikenakan penjara dan juga denda atau sebatan, jika sabit dengan kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pada 10 September 2023, kira-kira jam 1.20 petang, pengadu menerima panggilan daripada rakannya yang bekerja sebagai pengawal keselamatan yang memantau rakaman kamera litar tertutup (CCTV).

Pengadu kemudian menahan seorang lelaki dan seorang wanita sebelum hasil pemeriksaan ke atas beg yang dibawa lelaki terbabit menemukan sejumlah barang yang bernilai RM90.20.

Laporan polis telah dibuat oleh pengadu dan kedua-dua suspek yang dikenal pasti sebagai tertuduh kemudiannya ditahan serta-merta.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEMBONCENG WANITA MAUT, SUAMI CEDERA RINGAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 14 SEP 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pembonceng wanita maut, suami cedera ringan

**KOTAKINABALU:** Seorang pembonceng wanita maut selepas motosikal ditunggang suaminya terbabit dalam kemalangan bersama dua kenderaan lain di Jalan Pulutan, Manggatal, di sini pada jam 8.25 pagi kelmarin.

Pemangku Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu Superintenden Kalsom Idris berkata, mangsa berumur 34 tahun itu disahkan meninggal dunia di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak (HWKK) Likas hari yang sama pada jam 10.10 pagi.

"Hasil siasatan mendapati, kemalangan membabitkan tiga kenderaan iaitu motosikal, lori dan pacuan empat roda.

"Semasa kejadian, pemandu lori lelaki berumur 47 tahun dari arah Kampung Pulutan dalam perjalanan menuju ke sebuah bengkel.

"Sebaik tiba di hadapan bengkel, semasa hendak memasuki simpang kanan, sebuah motosikal dinaiki pasangan suami isteri yang datang dari arah belakang dipercayai memotong di kawasan persimpangan berkenaan menyebabkan berlaku perlanggaran di bahagian hadapan sebelah kanan lori berkenaan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata, kemalangan itu mengakibatkan penunggang dan pembonceng terbabas ke arah kanan sebelum terlanggar bahagian belakang kereta pacuan empat roda yang ketika itu berada di bahu kanan jalan.



**NAHAS: Keadaan kemalangan di lokasi kejadian.**

"Penunggang motosikal dibawa ke Hospital Queen Elizabeth (HQE) manakala pembonceng dihantar ke Hospital HWKK Likas oleh ambulans untuk rawatan lanjut.

"Pada jam 10.10 pagi hari yang sama, pembonceng disahkan meninggal dunia akibat parah di bahagian kepala.

"Penunggang motosikal berumur 29 tahun yang mengalami kecederaan ringan masih menerima rawatan di HQE1. Kedua-dua pemandu lori dan pacuan empat roda tidak mengalami sebarang kecederaan," katanya.

Tambahnya, siasatan masih diteruskan dan kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENJAWAT AWAM RUGI RM600,000 AKIBAT JADI MANGSA 'PHONE SCAM' | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 14 SEP 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Penjawat awam rugi RM600,000 akibat jadi mangsa 'phone scam'

## Mangsa panik setelah didakwa terlibat pengubahan wang haram

Oleh Michael Ubam

**SIBU: Seorang penjawat awam wanita berusia 40-an kerugian RM600,000 selepas ditipu sindiket penipuan dalam talian.**

Pesuruhjaya Polis Sarawak Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri berkata, wanita tempatan berusia 40-an itu menerima satu panggilan daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri dari Pos Malaysia Perak pada awal Ogos lalu.

Suspek kemudian memaklumkan kepada mangsa bahawa mangsa telah menghantar satu bungkusan mengandungi beberapa keping kad pengenalan, namun mangsa menafikannya.

"Panggilan kemudian disambungkan kepada seorang lagi lelaki yang memperkenalkan diri sebagai 'Tuan Zakim' dari Balai Pilis Perak yang memarahi mangsa kerana tidak memberi kerjasama.

"Seterusnya panggulan disambung kepada seorang lagi pegawai polis berpangkat ASP yang menghubungi mangsa melalui WhatsApp yang menyatakan mangsa terlibat dalam pengubahan wang haram," katanya dalam satu kenyatan media semalam.

Takut dan panik, mangsa telah menurut semua arahan yang diberikan oleh suspek dan mangsa juga dilarang menceritakan berkenaan kes tersebut kepada orang lain.



AZMAN

Menurut Azman, mangsa telah melakukan dua transaksi pemindahan wang berjumlah RM20,000 ke dalam dua akaun berlainan bagi tujuan pengauditan di Bank Negara.

"Mangsa juga diarah untuk membuat pinjaman wang dari beberapa institusi perbankan melibatkan kesemua deposit tetap dan SSPN mangsa dengan nilai keseluruhan berjumlah RM580,000 dipindahkan ke lima akaun berbeza sepanjang Ogos lalu," kata Azman.

Mangsa kemudiannya berasa curiga dan menyedari telah diperdaya setelah suspek gagal dihubungi sebelum tampil membuat laporan untuk siasat lanjut.

"Jumlah keseluruhan yang dialami mangsa lebih kurang RM600,000," dedahnya lagi.

Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai agar tidak memberi maklumat perbankan kepada individu atau mana-mana pihak yang tidak dikenali.

> "Jangan mudah panik atau cemas dan takut dengan sebarang dakwaan yang dibuat ke atas diri anda jika anda tidak melakukan apa-apa kesalahan."
>
> **Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri**
> *Pesuruhjaya Polis Sarawak*

"Jangan mudah panik atau cemas dan takut dengan sebarang dakwaan yang dibuat ke atas diri anda jika anda tidak melakukan apa-apa kesalahan," tegasnya.

Ujarnya lagi, orang ramai boleh menghubungi National Scam Response Center (NSCR) di talian 997 jika menjadi mangsa penipuan siber ('phone scam', 'love scam', e-dagang, pinjaman tidak wujud dan sebagainya) dan sekiranya anda baru sahaja membuat transaksi pemindahan wang ke mana-mana akaun bank atau e-wallet suspek.

Orang ramai turut disarankan untuk memuat turun aplikasi Whoscall melalui Google Play Store atau Apple Store untuk membantu anda membuat keputusan sama ada mahu menjawab panggilan telefon yang diterima atau sebaliknya.

Kerjasama di antara JSJK PDRM dengan pembangun aplikasi Whoscall membolehkan nombor telefon yang tersenarai dalam pangkalan data sistem semak mule JSJK akan ditandakan sebagai 'scammer' oleh Whoscall.

Selain itu, orang ramai juga boleh mengimbas kod QR SCAN ME untuk mendapatkan maklumat terkini tentang modus operandi jenayah komersial di akaun media sosial rasmi JSJK dan e-Book Jenayah Komersial.

Di samping itu, orang ramai juga boleh hubungi Commercial Crime Investigation Department (CCID) infoline di talian 013-2111222 (WhatsApp/SMS) bagi mendapatkan nasihat atau menyalurkan maklumat berhubung kes-kes jenayah dalam talian.

Orang ramai juga boleh membuat semakan nombor telefon dan akaun bank suspek melalui aplikasi cek penipu CCID atau melalui laman web http:/semakmule.rmp.gov.my sebelum membuat sebarang transaksi kewangan.

Layari akaun rasmi media sosial Jabatan Siasatan Jenayah Komersil @JSJKPDRM dan @CyberCrimeAlertRMP melalui Facebook, Instagram dan Tik Tok untuk mendapatkan maklumat modus operandi terkini penipuan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS TAHAN BAPA KANDUNG, IBU TIRI DERA KANAK-KANAK 6 TAHUN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 14 SEP 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Polis tahan bapa kandung, ibu tiri dera kanak-kanak 6 tahun

**SEREMBAN:** Polis menahan pekerja kilang dan isterinya di Bahau dekat sini kelmarin kerana disyaki mendera anak lelakinya berusia enam tahun sejak Mac lalu.

Ketua Polis Daerah Jempol Supt Hoo Chang Hook berkata, lelaki terbabit yang juga bapa kandung mangsa berumur 27 tahun dan wanita yang dipercayai ibu tiri mangsa berumur 31 tahun ditahan selepas polis menerima maklumat awam berkenaan kejadian itu.

Beliau berkata maklumat yang diterima pada 2.30 petang itu mengatakan seorang kanak-kanak lelaki yang merupakan anak sulung daripada empat beradik, melarikan diri dari rumah akibat didera.

"Mangsa dipercayai dipukul oleh bapa kandung dan ibu tiri dengan tangan, menendang, merotan dan menggunakan senduk kayu. Tiga lagi anak lain tidak didera.

"Pemeriksaan terhadap mangsa mendapati terdapat banyak kesan parut dan luka di seluruh tubuh badannya. Kanak-kanak itu telah menerima rawatan lanjut di Hospital Kuala Pilah dan doktor mengesahkannya mengalami pelbagai kecederaan pada tubuh badan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Hoo berkata kedua-dua suspek kemudian direman selama seminggu bermula semalam di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah dan kes disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA WARGA EMAS KERUGIAN RM1.4 JUTA TERPERDAYA 'PHONE SCAM' | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 14 SEP 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita warga emas kerugian RM1.4 juta terperdaya 'phone scam'

**IPOH:** Seorang wanita warga emas menjadi mangsa terbaharu 'phone scam' di Perak apabila kerugian sebanyak RM1.4 juta selepas terperdaya dengan taktik penyamaran sebagai pekerja syarikat kurier dan pegawai polis sejak tiga tahun lalu.

Ketua Polis Perak Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata pihaknya menerima laporan daripada mangsa berusia 62 tahun yang berasal dari Taman Wah Keong di sini kelmarin.

"Pada 27 Mac 2020, pengadu menerima panggilan telefon daripada individu tidak dikenali memperkenalkan diri sebagai pekerja syarikat kurier dan menipu bahawa pengadu mempunyai bungkusan yang bermasalah.

"Pengadu kemudian membuat pengesahan kepada nombor telefon palsu 'Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah' yang diberikan oleh 'pekerja syarikat kurier' dan dimaklumkan oleh seorang 'pegawai polis' kononnya pengadu terlibat dalam kes jenayah penggubahan wang haram dan dadah," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata pengadu ditunjukkan dokumen waran tangkap mahkamah atas namanya daripada suspek sehingga dia mempercayai percakapan suspek dan sepanjang urusan itu, mangsa telah berkomunikasi dengan lima orang yang menyamar sebagai pegawai polis dengan perwatakan berlainan.

Mohd Yusri berkata pengadu telah mendedahkan semua maklumat sulit tentang akaun bank dan akaun dompet digital kepada kesemua suspek serta mengikut arahan membuat pemindahan wang kepada pelbagai akaun bank milik individu lain.

"Pengadu hanya sedar tentang penipuan suspek setelah menunggu sekian lama seorang suspek yang kononnya akan datang berjumpa dengannya di Ipoh sejak 2020 lagi," katanya.

Katanya kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan orang ramai diingatkan sentiasa berwaspada terhadap panggilan telefon yang mencurigakan khususnya yang mendakwa daripada agensi kerajaan. — Bernama